

A STUDY BETWEEN PERFECTIONISM AND THINKING STYLE AMONG GIFTED AND TALENTED MUSLIM STUDENTS IN MALAYSIA

KAJIAN TENTANG PERFECTIONISM DAN STAIL BERFIKIR PELAJAR MUSLIM PINTAR DAN BERBAKAT DI MALAYSIA

Amnah Zanariah Abd. Razakⁱ, Amirah Zainunⁱⁱ, Nur Fazidah Asmujeⁱⁱⁱ & Syazwani Md. Sallehan^{iv}

ⁱ (Corresponding Author). Pensyarah, Kolej PERMATA Insan, Universiti Sains Islam Malaysia.
amnahz@usim.edu.my

ⁱⁱ Pensyarah, Kolej PERMATA Insan, Universiti Sains Islam Malaysia. amirahzainun@usim.edu.my

ⁱⁱⁱ Pensyarah, Kolej PERMATA Insan, Universiti Sains Islam Malaysia. nurfazidah@usim.edu.my

^{iv} Guru Tasmik, Kolej PERMATA Insan, Universiti Sains Islam Malaysia. syazwani@usim.edu.my

<p>Abstract</p>	<p><i>Gifted and talented students are individuals who possess high intellectual potential and the ability to solve problems. Among the uniqueness of their psychological needs is perfectionism and distinctive thinking style. These students place high standards of achievement in their lives. This study aims to identify perfectionism level and dominant thinking style among gifted and talented Muslim students and to see the correlation between perfectionism level and thinking style. Researchers used the Measure of Construct Underlying Perfectionism (M-CUP) questionnaire by Agnes Mariann Stairs (2009) to evaluate perfectionism and the instrument of Sternberg - Wagner (1997) translated and modified by Ruslin Amir (2007). Quantitative data was analyzed descriptively and inferred using SPSS version 22. Based on the findings of the perfectionism stage, the mean score of perfectionism for gifted and talented students was 195.03. It shows that perfectionism among gifted and talented students in this study is at a moderate level of score between 143 and 224. For thinking styles, 13 types of thinking styles have been measured which are legislative, executive, judicial, monarchy, hierachy, oligarchy, anarchy, global, local, external, internal, liberal and conservative. The dominant thinking style among students by sequence are executive thinking, judicial, monarchy, oligarchy, anarchy, global, local, external and conservative. Whereby non-dominant thinking style among the students are legislative, hierachy, internal and liberal. The study also found that there was no significant correlation or relationship between perfectionism and dominant thinking styles (executive, judicial, monarchy, oligarchy, anarchy, global, external, conservative and local). Some suggestions were made to get a better understanding and help students with perfectionism and at the same time increase their level of thinking styles in the quest of producing future gifted and talented Islamic scholar.</i></p> <p><i>Keywords: Gifted, talented, perfectionism, thinking, style.</i></p>
<p>Abstrak</p>	<p><i>Pelajar pintar berbakat adalah individu yang mempunyai daya intelektual yang tinggi dan mempunyai kecekapan dalam menyelesaikan masalah. Salah satu keunikan keperluan psikologi yang mereka miliki adalah sifat perfectionism (kesempurnaan melampau) serta mempunyai stail berfikir yang tersendiri. Pelajar-pelajar ini meletakkan standard yang tinggi untuk dicapai di dalam hidup mereka. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti tahap perfectionism, stail berfikir dominan dalam kalangan pelajar pintar berbakat muslim serta melihat kolerasi antara tahap perfectionism dan stail</i></p>

	<p><i>berfikir. Pengkaji menggunakan instrumen soal selidik Measure of Conctruct Underlying Perfectionism (M-CUP) oleh Agnes Mariann Stairs (2009) untuk menilai tahap perfectionism dan instrumen Sternberg – Wagner (1997) diterjemah dan diubahsuai oleh Ruslin Amir (2007) bagi mengukur stail berfikir pelajar. Data kuantitatif dianalisis secara deskriptif dan inferensi menggunakan program SPSS versi 22. Berdasarkan hasil kajian tahap perfectionism, skor min bagi perfectionism bagi pelajar pintar berbakat ialah 195.03. Ini menunjukkan bahawa perfectionism dalam kalangan pelajar pintar berbakat dalam kajian ini berada pada tahap yang sederhana iaitu skor di antara 143 hingga 224. Bagi stail berfikir, sebanyak 13 stail berfikir iaitu legislatif, eksekutif, judisil, monarki, hiraki, oligarki, anarki, global, lokal, eksternal, internal, liberal dan konservatif. Stail berfikir dominan pelajar ialah stail berfikir eksekutif, judisil, monarki, oligarki, anarki, global, lokal, eksternal dan konservatif. Stail berfikir tidak dominan pelajar pula ialah stail berfikir legislatif, hiraki, internal dan liberal. Kajian juga mendapati tidak terdapat kolerasi atau hubungan yang signifikan antara perfectionism dengan stail berfikir dominan (eksekutif, judisil, monarki, oligarki, anarki, global, eksternal, konservatif dan lokal). Beberapa cadangan diutarakan untuk membantu memahami tahap perfectionism pelajar serta meningkatkan tahap stail berfikir pelajar dalam usaha melahirkan pelapis bakal cendekiawan Islam di masa akan datang.</i></p> <p>Kata kunci: <i>Pintar, berbakat, perfectionism, berfikir, stail.</i></p>
--	--

PENDAHULUAN

Kolej PERMATA Insan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) merupakan kolej dalam kampus USIM yang menawarkan pendidikan peringkat menengah kepada pelajar pintar berbakat muslim. Kolej ini menyediakan satu program pendidikan lebih terkehadapan (*advanced*) dan mencabar besesuaian dengan aras pemikiran pelajar pintar berbakat. Program ini memberi peluang kepada pelajar mengikuti pembelajaran yang telah dimampakan (*compress*), dipacu (*accelerated*) dan diperkayakan (*enrichment*), bersesuaian dengan pembelajaran bagi pelajar pintar berbakat.

Pelajar-pelajar yang terpilih melepasi ujian UKM 1, UKM 2 dan ujian USIM. Kesepaduan kurikulum di Kolej PERMATA Insan yang diadun daripada kurikulum PERMATA pintar Negara, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) serta digabungkan dengan integrasi naqli dan aqli PERMATA Insan, USIM bertujuan melahirkan pelajar Islam pintar berbakat yang mampu melahirkan hafiz dan hafizah di samping cemerlang dalam bidang akademik seterusnya mampu menjadi cendekiawan Islam di masa yang akan datang.

Pelajar pintar berbakat dikenali sebagai individu yang mempunyai daya intelektual yang tinggi dan mempunyai kecekapan dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi. Gagne (2009) mendefinisikan pelajar pintar sebagai individu yang mempunyai kebolehan atau potensi semulajadi dan kebolehan ini boleh dikembangkan menjadi bakat menerusi persekitaran dan faktor-faktor lain.

Noriah dan Abu Yazid (2010) menyatakan bahawa pelajar pintar berbakat ini perlu dikenalpasti potensi kecemerlangan yang mereka mampu sumbangkan. Pelajar pintar berbakat merupakan aset dan perlu dididik dan dibentuk supaya golongan ini dapat mengharumkan nama Malaysia di mata dunia. Sasaran Kolej ini adalah bagi membentuk pelajar-pelajar ini supaya mereka mampu menjadi cendekiawan Islam di masa yang akan datang.

Setiap individu yang berada di sekolah perlu berperanan sebagai kaunselor kepada pelajar (Baska, 1991). Banyak kriteria-kriteria yang ada pada pelajar pintar berbakat yang perlu difahami dan salah satu kriteria yang mereka punyai ialah sifat *perfectionism* (kesempurnaan). Pelajar yang mempunyai sifat *perfectionism* mempunyai piawai yang tinggi untuk dicapai dalam hidupnya dan jika gagal, mereka

akan mudah berputus asa, menyalahkan diri sendiri dan malu untuk berhadapan dengan kawan-kawan disekitarnya. Hakikat ini disokong oleh Silverman (2007), menyatakan bahawa *perfectionism* ini merupakan satu tenaga yang boleh digunakan sama ada secara positif mahupun negatif bergantung kepada kesedaran seseorang. Ia boleh menyebabkan sindrom '*underachievement*' jika mereka gagal untuk mencapai matlamat tersebut. Sokongan emosi dan psikologi adalah amat penting bagi membantu pelajar ini supaya tidak berlaku keciciran bagi pelajar pintar berbakat ini.

Hakikatnya *perfectionism* secara tidak langsung mampu memberikan tekanan kepada kehidupan seharian pelajar-pelajar pintar berbakat ini jika tidak ditangani dan dibimbing dengan segera. Menurut Neumeister (2007), dalam memahami *perfectionism* dalam kalangan pelajar pintar cerdas ini adalah sangat luas. Menurut Hamachek (1978), *perfectionism* merujuk kepada kedua-dua sifat dan pemikiran seseorang individu itu. Beliau turut membahagikan *perfectionism* kepada dua iaitu *perfectionism* normal (*adaptive/ healthy perfectionism*) dan *perfectionism* melampau (*maladaptive/ unhealthy perfectionism*). Beza bagi kedua-dua sifat ini ialah individu yang bersifat *perfectionism* melampau tidak pernah berpuashati dengan pencapaian dan usaha yang mereka lakukan manakala *perfectionism* normal merujuk kepada mereka yang sentiasa merasa kepuasan yang lebih daripada pencapaian mereka dan menghargai usaha-usaha yang dilakukan demi mencapai kejayaan.

Manusia merupakan insan yang sentiasa berfikir. Proses pemikiran manusia terbahagi kepada dua bahagian iaitu proses pemikiran kritis berlaku di otak kiri dan proses pemikiran kreatif pula berlaku di otak kanan. Beberapa orang tokoh seperti Piaget, Vygotsky, Perry dan Bayer telah mengemukakan pandangan mereka tentang konsep berfikir (Amnah, 2009). Kajian berfikir merujuk kepada proses yang berlaku di dalam minda pelajar dengan tujuan untuk mengambil, mensintesis, membuat pilihan atau membuat keputusan berdasarkan input deria atau maklumat yang sedia ada.

Menurut Sternberg (1997), perbezaan daripada segi pembelajaran dan pengajaran adalah disebabkan oleh faktor stail berfikir. Sternberg telah memperkenalkan teori *Government Mental* untuk mengubah stail-stail berfikir. Dewasa ini, kebanyakan pengajar gagal untuk mengenalpasti stail berfikir pelajar-pelajarnya. Ini akan menyebabkan pelajar kurang minat dengan pelajarannya serta akan mudah hilang tumpuan serta tidak dapat menunjukkan prestasi yang sebenar dalam pembelajarannya.

Stail berfikir juga merupakan satu proses untuk menangani sesuatu permasalahan dan cara seseorang individu membuat keputusan. Stail berfikir mempunyai hubung kait dengan gaya asuhan yang diterima oleh seseorang individu melalui proses pendidikan formal ataupun pendidikan tidak formal. Didapati stail berfikir bagi setiap individu adalah berbeza. Teori stail berfikir Sternberg *mental self-government* (Sternberg, 1992, 1997, 1988, 1999) telah menghuraikan tentang cara gaya atau stail manusia berfikir.

Teori ini diadaptasi daripada teori personaliti Carl Jung. Sebagai contoh Sternberg telah menggunakan pendekatan skala Skop yang mempunyai subskala internal (dalaman) dan eksternal (luaran). Selalunya individu suka melakukan perkara-perkara yang mereka minati dan disukai oleh jiwa dan pemikiran mereka. Stail mereka menyelesaikan sesuatu masalah bergantung kepada stail pemikiran yang akan mendorong kepada tatacara penyelesaiannya. Stail penyelesaian yang diasaskan oleh stail pemikiran mungkin berbeza-beza. Hal ini bergantung kepada pendekatan yang digunakan dalam menyelesaikan sesuatu perkara.

METODOLOGI KAJIAN

Pengkaji menggunakan instrumen soal selidik *Measure of Construct Underlying Perfectionism* (M-CUP) oleh Agnes Mariann Stairs (2009) untuk menilai tahap *perfectionism* dan instrumen Sternberg – Wagner (1997) diterjemah dan diubahsuai oleh Ruslin Amir (2007) bagi mengukur stail berfikir pelajar. Data kuantitatif dianalisis secara deskriptif dan inferensi menggunakan program SPSS versi 22.

DAPATAN KAJIAN

Berikut adalah dapatan kajian ini:

Tahap Perfectionism

Menurut kajian Mohd. Hakimie, Salleh Amat, Rorlinda, Jamliah dan Mohd. Saifun (2015), dalam instrumen soal selidik *Measure of Construct Underlying Perfectionism* (M-CUP) oleh Agnes Mariann Stairs (2009) nilai bagi tahap *perfectionism* pelajar di dalam instrumen kajian ini telah dibahagikan kepada tiga tahap iaitu 225 hingga 305 ialah bagi tahap tinggi, 143 hingga 224 bagi tahap sederhana dan 61-142 ialah tahap rendah. Berdasarkan dapatan kajian, skor min bagi *perfectionism* bagi pelajar pintar berbakat ialah 195.03.

Ini menunjukkan bahawa *perfectionism* dalam kalangan pelajar pintar berbakat dalam kajian ini berada pada tahap yang sederhana iaitu skor antara 143 hingga 224. Tahap *perfectionism* pelajar dinilai melalui sembilan konstruk iaitu mementingkan susunan, kepuasan diri, teliti, mempunyai nilai *perfectionism* terhadap orang lain, meletakkan standard yang tinggi, pemikiran yang berstruktur dalam tugas dan aktiviti, menerima tekanan daripada orang lain, mempunyai sikap tidak berpuas hati dan reaktif terhadap kesalahan.

Profil Stail Berfikir Dan Stail Berfikir Dominan

Terdapat lima dimensi dalam stail berfikir iaitu fungsi, bentuk, tahap, skop dan kecondongan. Tafsiran min menunjukkan 13 jenis Stail Berfikir Sternberg (1997). Min yang tinggi bermaksud seseorang itu mempunyai ciri yang mirip kepada stail berfikir dominan yang dirujuk dan sebaliknya.

Jadual 1: Profil Stail Berfikir Dominan Pelajar

Stail Berfikir	Min Stail Berfikir	Skor Dominan	Keputusan
Legislatif	5.07	5.60-7.00	Tidak Dominan
Eksekutif	5.16	5.00-7.00	Dominan
Judisil	4.99	4.20-7.00	Dominan
Monarki	4.69	4.40-7.00	Dominan
Hiraki	4.77	5.10-7.00	Tidak Dominan
Oligarki	4.45	4.00-7.00	Dominan
Anarki	5.04	5.00-7.00	Dominan
Global	4.60	4.50-7.00	Dominan
Lokal	4.67	4.40-7.00	Dominan
Eksternal	4.53	4.50-7.00	Dominan
Internal	5.17	5.60-7.00	Tidak Dominan
Liberal	5.26	5.70-7.00	Tidak Dominan
Konservatif	4.94	4.30-7.00	Dominan

Sebanyak 13 stail berfikir iaitu legislatif, eksekutif, judisil, monarki, hiraki, oligarki, anarki, global, lokal, eksternal, internal, liberal dan konservatif. Stail berfikir dominan pelajar ialah stail berfikir eksekutif (min=5.16), judisil (min=4.99), monarki (min=4.69), oligarki (min=4.45), anarki (min=5.04), global (min=4.60), lokal (min=4.67), eksternal (min=4.53) dan konservatif (min=4.94). Stail berfikir tidak dominan pelajar pula ialah stail berfikir legislatif, hiraki, internal dan liberal.

Hasil kajian ini menyokong pendapat Renzulli (1978), yang berpendapat tingklah laku pelajar pintar dan berbakat biasanya mereka berupaya menerapkan tiga kelompok asas tret kemanusiaan semula jadi mereka iaitu menunjukkan kebolehan spesifik yang melebihi tahap purata, mempunyai komitmen tugas yang sangat tinggi dan menghayati daya kreativiti dalam bidang-bidang yang mereka minati. Namun begitu mereka masih memerlukan bimbingan golongan dewasa untuk mencorakkan masa depan pelajar-pelajar ini sesuai dengan kepintaran mereka. Pelajar pintar berbakat ini memerlukan kurikulum khusus dalam bidang akademik dan memerlukan

sokongan psikologi bagi membantu kejayaan pelajar tersebut.

Kolerasi Antara Perfectionism Dan Stail Berfikir

Kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat korelasi antara *perfectionism* dengan stail berfikir dominan dalam kalangan pelajar ($p < 0.01$).

Jadual 2: Hubungan Antara Perfectionism Dengan Stail Berfikir Dominan

Perfectionism/ Stail berfikir dominan	Eksekutif	Judisil	Monarki	Oligarki	Anarki	Global	Eksternal	Konservatif	Lokal
Perfectionism	.302	.201	.140	-.063	.158	.085	-.008	.271	.109
Sig. (2-tailed)	0.03	0.16	0.33	0.67	0.27	0.56	0.96	0.06	0.45

Sig. pada aras 0.01

Data menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara *perfectionism* dengan stail berfikir dominan eksekutif, judisil, monarki, oligarki, anarki, global, eksternal, konservatif dan lokal.

PERBINCANGAN

Secara keseluruhan dapatan kajian menunjukkan pelajar pintar dan berbakat muslim di Kolej PERMATA Insan, USIM mempunyai tahap *perfectionism* yang sederhana. Implikasi dapatan ini profil *perfectionism* dan stail berfikir pelajar amat besar kerana kita dapat memahami serta mengenalpasti langkah-langkah yang difikirkan perlu untuk menanagani masalah ini. Golongan pelajar pintar berbakat muslim ini merupakan generasi yang bakal mewarisi kepimpinan negara di masa hadapan. Jatuh bangunnya tamadun dan pembangunan sesebuah negara khususnya Malaysia terletak di bahu generasi muda ini.

Pelajar Pintar Berbakat

Menurut pandangan Abu Yazid dan Aliza (2009) pelajar pintar berbakat mempunyai isu psikologi seperti terlalu sensitif, bekelakuan pelik dan mempunyai sikap yang unik. Sebahagian daripada pelajar pintar cerdas beranggapan bahawa setiap apa yang mereka lakukan perlulah sempurna daripada setiap aspek. Anggapan mereka yang tidak realistik ini menyebabkan mereka mudah kecewa apabila mtlamat yang mereka harapkan tidak dapat dicapai.

Terdapat dalil dalam Al-Quran menyatakan bahawa manusia dianugerahkan berbagai kelebihan antaranya ialah kelebihan akal. Kelebihan-kelebihan tersebut tidak diberikan Allah kepada makhluk lain selain manusia dan telah pula menyebabkan

mereka memperoleh kemuliaan-Nya: “Dan sesungguhnya Kami telah memuliakan anak-anak Adam dan Kami telah beri mereka menggunakan berbagai-bagai kenderaan di darat dan di laut dan Kami telah memberikan rezeki kepada mereka daripada benda-benda yang baik-baik serta Kami telah lebihkan mereka dengan selebih-lebihnya atas banyak makhluk-makhluk yang telah Kami ciptakan” (al-Quran. Al Isra’: 70).

Namun demikian, kemuliaan manusia ada hubung kait dengan komitmen mereka menjaga kelebihan-kelebihan tersebut dengan cara menggunakannya secara optimal dan seimbang sesuai dengan kehendak yang telah dirancang oleh Tuhan Pencipta.

Pintar berbakat ini secara jelasnya telah dikurniai dengan potensi kecerdasan pemikiran yang tinggi, yang membolehkan mereka mampu berfikir secara kritikal dan mendalami isu-isu kompleks secara mendalam (Chan 2003). Menurut Rorlinda (2014), pelajar pintar berbakat ini perlu disedarkan bahawa kurniaan pemikiran (IQ) yang tinggi merupakan anugerah yang perlu digilap dan diperkasa menerusi penglibatan dalam pelbagai aktiviti sosial dan kemasyarakatan. Maka, usaha mengenalpasti kriteria-kriteria pelajar pintar berbakat muslim ini bermula daripada peringkat awal pendidikan agar proses pembinaan daya intelektual dan pembangunan sahsiah pelajar-pelajar ini bergerak selari dengan hasrat kementerian pendidikan.

Pihak pengurusan pendidikan menerusi Unit Bimbingan dan Kaunseling khususnya perlu komited dalam menyediakan program-program intervensi bagi pelajar dan program tersebut perlu bermula dari peringkat awal kemasukan ke program pendidikan dan berterusan di sepanjang proses pendidikan berlangsung.

Perfectionism

Pelbagai pihak harus memahami dan bersedia membantu pelajar yang mempunyai ciri-ciri *perfectionism* ini. Sekolah dan badan pentadbir sekolah berperanan besar untuk menghadapi pelajar yang mempunyai ciri-ciri *perfectionism* ini. Pelajar pintar berbakat ini perlu disediakan dengan bimbingan kurikulum yang efektif (Ann Maccagnano 2007). Diharapkan dengan menggunakan kurikulum yang bersesuaian ini maka tidak akan ada lagi *perfectionism* melampau dan jika ada ianya hanyalah *perfectionism* yang sihat.

Di pihak pelajar, pelajar ini perlu didedahkan dengan dapatan tahap *perfectionism* yang mereka alami dan diberi penerangan supaya mereka tahu bagaimana untuk menangani konflik diri. Mereka hendaklah mencari sesuatu yang mereka suka untuk dilakukan untuk mengelakkan mereka tidak terus tertekan dengan apa yang mereka alami seperti bersukan, bermain catur, melibatkan diri di dalam persatuan dan sebagainya supaya mereka tidak merasa bosan dengan diri mereka sendiri.

Menurut Van Tassel-Baska (1991), guru selaku tenaga pengajar kepada pelajar-pelajar pintar ini, walaupun mereka bukanlah seorang kaunselor namun mereka sepatutnya mampu menggunakan teknik-teknik kaunseling yang dirasakan afektif serta bersesuaian untuk dipraktikkan di dalam kelas. Guru juga seharusnya menjadi model kepada pelajar pintar supaya mereka dapat belajar daripada guru.

Menurut Aliza dan Azlina (2009), pelajar pintar ini juga perlu diajar dengan gaya pengajaran yang dipelbagaikan (*differentiated learning*). Gaya pengajaran ini penting supaya pelajar boleh belajar dengan cara yang lebih mencabar dan sesuai dengan aras pemikiran kreatif pelajar supaya pelajaran kepada pelajar-pelajar pintar ini lebih menarik dan tidak membosankan pelajar. Pembelajaran dalam kelas menggabungkan teknologi pendidikan terkini seperti penggunaan *i-pad*, *macbook*, *youtube*, pembinaan laman web, *i-book* dan sebagainya yang mana ini dapat menarik minat pelajar pintar. Mereka sukakan cabaran dalam pendidikan dan suka meneroka teknologi yang baru yang mampu menguji minda mereka.

Berdasarkan hasil kajian yang telah dilakukan yang membincangkan mengenai solusi teori dan praktikal telah mendapat beberapa solusi yang boleh dilakukan oleh ibu bapa, guru dan kaunselor. Suasana kelas perlulah dapat memberi ruang kepada

pelajar untuk belajar menghargai kesilapan dan kegagalan. Dalam keadaan ini, kesalahan akan menjadi sesuatu panduan kepada mereka kelak, empati pula akan menjadi suatu proses dan perkembangan atau pertumbuhan positif dan akan menjadi produk terakhir.

Ibu bapa juga perlulah peka akan kebolehan dan keupayaan anak-anak mereka supaya anak-anak mereka tidak terbeban dengan harapan yang sangat tinggi yang mendorong mereka untuk bersifat *perfectionism*. Ibu bapa juga perlu menetapkan tanggapan kepada pelajar pintar supaya mereka mempunyai satu model yang dijadikan idola mereka dalam *perfectionism*. Selain daripada itu, ibu bapa juga perlu memuji usaha dan kesungguhan anak mereka berbanding daripada memuji kebolehan mereka sahaja supaya anak tidak tertekan dengan harapan menggunung yang diletakkan di bahu mereka.

Hakikatnya *perfectionism* secara tidak langsung mampu memberikan tekanan kepada kehidupan seharian pelajar-pelajar pintar berbakat ini. Menurut Neumeister (2007), dalam memahami *perfectionism* dalam kalangan pelajar pintar cerdas ini adalah sangat luas. Berdasarkan kajian terkini yang dilakukan, golongan pendidik lebih memahami *perfectionism* dan bijak untuk memperkembangkan atau menghasilkan pelbagai psikologikal yang terhasil akibat daripada *perfectionism*. *Perfectionism* juga boleh dikaitkan dengan kecemerlangan dan juga pencapaian terbaik dan juga kemerosotan. Ia lebih teruk jika *perfectionism* sihat bertukar kepada *perfectionism* melampau.

Oleh itu, semua harus peka mengenai masalah *perfectionism* ini. Sekiranya pelajar mampu menghadapi masalah ini mereka akan dapat menyesuaikan diri serta dapat menghadapi cabaran demi cabaran dalam hidup mereka dengan baik. Namun sebaliknya, jika mereka gagal mereka akan mensia-siakan anugerah kepintaran akal mereka dan gagal dalam mengejar kecemerlangan di dalam kehidupan mereka.

Jika kesemua pihak saling prihatin dengan ciri-ciri *perfectionism* dalam kalangan pelajar pintar berbakat serta sama-sama berusaha agar membantu memberi sokongan kepada pelajar-pelajar ini mengembangkan kepintaran mereka maka usaha bagi melahirkan insan yang cemerlang akan menjadi lebih mudah.

Stail Berfikir

Kajian oleh Keefe (1979), Dunn dan Briggs (1995), Sternberg (1997) menyatakan stail berfikir mempunyai empat ciri yang utama iaitu;

- i. Stail berfikir berkait rapat dengan fungsi kawalan otak.
- ii. Stail berfikir bersifat multidimensi.
- iii. Stail berfikir dipengaruhi oleh faktor-faktor dalaman dan luaran.
- iv. Stail berfikir boleh berubah mengikut pengalaman atau tugas.

Islam merupakan agama yang memberikan kedudukan istimewa kepada akal. Dalam al-Quran, banyak ayat-ayat yang memerintahkan penggunaan akal dengan sebaiknya. Lafaz-lafaz "*tafakkur*", "*nazar*", "*tabaṣṣur*" dan sebagainya lagi diulang-ulang dalam usaha membimbing akal manusia. Firman Allah SWT yang bermaksud: "*Demikianlah Allah menerangkan kepadamu ayat-ayatnya (hukum-hukumNya) supaya kamu memikirkannya (memahaminya)*" (al-Quran. al-Baqarah: 242). Dalam tradisi pembelajaran Islam, para ulama turut menyusun ilmu-ilmu seperti Ilmu Mantik dan Ilmu Usul Fiqh sebagai pra syarat untuk melahirkan gaya berfikir baik bagi menatijahkan kesimpulan yang tepat. Kerana hanya dengan teknik dan gaya berfikir yang tepat akan melahirkan manusia dengan tindakan yang tepat (Wan Haslan, 2014).

Jadual 3: Profil Stail Berfikir Dominan Pelajar

Stail Berfikir	Min Stail Berfikir	Skor Dominan	Keputusan
Legislatif	5.07	5.60-7.00	Tidak Dominan
Eksekutif	5.16	5.00-7.00	Dominan
Judisil	4.99	4.20-7.00	Dominan

Monarki	4.69	4.40-7.00	Dominan
Hiraki	4.77	5.10-7.00	Tidak Dominan
Oligarki	4.45	4.00-7.00	Dominan
Anarki	5.04	5.00-7.00	Dominan
Global	4.60	4.50-7.00	Dominan
Lokal	4.67	4.40-7.00	Dominan
Eksternal	4.53	4.50-7.00	Dominan
Internal	5.17	5.60-7.00	Tidak Dominan
Liberal	5.26	5.70-7.00	Tidak Dominan
Konservatif	4.94	4.30-7.00	Dominan

Jadual4: Huraian Dapatan Profil Stail Berfikir Dominan Pelajar

Stail Berfikir Dominan	Personaliti
Eksekutif	Suka ikut arahan. Melakukan kerja berdasarkan apa yang diarahkan dan berdasarkan format.
Judisil	Suka menghakimi dan menilai benda dan manusia.
Monarki	Suka melakukan satu kerja pada satu masa. Memberikan komitmen yang tinggi pada kerja.
Oligarki	Suka lakukan banyak kerja pada satu masa dan sukar untuk merancang keutamaan kerja.
Anarki	Suka mengambil pendekatan yang random terhadap sesuatu masalah. Tidak suka kepada sistem dan peraturan dan selalunya mendatangkan masalah pada diri.
Global	Suka kepada pendekatan yang umum, generalisasi dan tafsiran yang besar.
Lokal	Suka berurusan dengan sesuatu yang detail dan khusus dan contoh yang benar.
Eksternal	Suka bekerja dengan orang lain. Mempunyai sifat kebergantungan pada orang lain.
Konservatif	Suka melakukan sesuatu kerja secara tradisi dan mengikut peraturan.

Jadual 5: Profil Stail Berfikir Ideal Yang Dicapadangkan

Stail Berfikir	Min Stail Berfikir (Sekarang)	Skor Dominan (Cadangan)	Ulasan
Legislatif	5.07	5.60-7.00	Ditambah
Eksekutif	5.16	5.00-7.00	Dikekalkan
Judisil	4.99	4.20-7.00	Dikekalkan
Monarki	4.69	4.40-7.00	Dikekalkan
Hiraki	4.77	5.10-7.00	Ditambah
Oligarki	4.45	4.00-7.00	Dikekalkan
Anarki	5.04	5.00-7.00	Dikekalkan
Global	4.60	4.50-7.00	Dikekalkan
Lokal	4.67	4.40-7.00	Dikekalkan
Eksternal	4.53	4.50-7.00	Dikekalkan
Internal	5.17	5.60-7.00	Ditambah
Liberal	5.26	5.70-7.00	Ditambah
Konservatif	4.94	4.30-7.00	Dikekalkan

Proses pengajaran dan pembelajaran di Kolej PERMATA Insan mengaplikasikan manifestasi teknologi pembelajaran abad ke 21. Sehubungan dengan itu beberapa dimensi stail berfikir legislatif, hiraki, internal dan liberal amat perlu diperkasakan.

Jadual 6: Profil Stail Berfikir Tidak Dominan Yang Perlu Ada Pada Pelajar Pintar Berbakat

Stail Berfikir Tidak Dominan	Personaliti
Legislatif	Suka mencipta dan melakukan kerja dengan gaya tersendiri.
Hiraki	Suka melakukan banyak kerja di dalam satu masa serta pandai merancang.
Internal	Suka bekerja secara sendirian dan tidak bergantung kepada orang lain.
Liberal	Suka bekerja dengan pendekatan yang baru.

Stail berfikir legislatif, hiraki, internal dan liberal perlu ada dalam stail berfikir pelajar pintar berbakat muslim agar mereka mampu meneroka maklumat serta belajar tanpa banyak bergantung kepada para pengajar sesuai dengan pembelajaran teknologi maklumat pada abad ke 21.

PENUTUP

Dapatan kajian menunjukkan bahawa secara keseluruhan, bahawa pelajar pintar berbakat muslim ini mempunyai kekuatan dan kekurangan pada aspek-aspek yang dikaji. Kekuatan yang dimiliki perlu diiktiraf dan diperkasa manakala kekurangannya pula perlu diperbaiki dan dipertingkatkan. Usaha pembinaan dan penambahbaikan perlu dilaksanakan secara terancang menerusi program-program pendidikan pintar dan berbakat.

Diharapkan kajian ini membantu pelbagai pihak serta menjadi titik permulaan bagi meningkatkan kualiti proses pengajaran dan pembelajaran ke peringkat yang lebih baik lagi serta membantu kita untuk lebih memahami pelajar. Usaha ini adalah selaras dengan visi (membudayakan al-Quran dan al-Sunnah sebagai teras kecemerlangan generasi muda) dan misi Kolej PERMATA Insan (bertekad untuk menjadi satu wadah pelajar pintar berteraskan penghayatan al-Quran dan al-Sunnah) khususnya dan hasrat Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) umumnya.

PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan penghargaan kepada Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) kerana telah membiaya Geran Jangka Pendek bagi menjalankan kajian ini di bawah nombor geran: PPP-KPI-17515-00.

RUJUKAN

- Aliza Alias & Hamidah Yamat. 2009. *Ciri-ciri kanak-kanak pintar cerdas. PERMATA Pintar Negara: Pengalaman UKM*. Bangi: Pusat PERMATA Pintar Negara.
- Amnah Zanariah Abd Razak. 2009. *Stail Berfikir Dan Stail Pembelajaran Pelajar Jururawat Di Kolej Kejururawatan Murni*. Tesis Sarjana Fakulti Pendidikan UKM Bangi.
- Ann Maccagnano. 2007. *Identifying & Enhancing the Strengths of Gifted Learners*. United Kingdom: Corwin Press.
- Bandura, A. 1994. Self-efficacy. Dlm. V.S. Ramachandran (pnyt.). *Encyclopedia of Human Behavior*, hlm. 71-81. Jil. 4. New York: New York Academic Press.
- Chan, D.W. 2003. *Assessing leadership among Chinese secondary students in Hong Kong: The use of the Roets rating scale for leadership*. *Gifted Child Quarterly* 44(2): 115-122.
- Counseling Services among Malaysian Gifted Students*. *Procedia – Social and Behavioral Sciences* 5 (665-673).
- Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). 2007. *Kamus Dewan*. Edisi ke- 4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Gagne, F. 2009. *Building gifts into talents: Brief overview of the DMGT2.0*.

- Hamachek, D. E. 1978. *Psychodynamics of normal and neurotic perfectionism of Giftedness*. Psychology, Gifted Education International, vol 23, 89-100.
http://www.giftedconference2009.org/presenter_files/gagne_p12_therealnature.pdf (15 Mac 2014).
- Implikasi Ke atas Kepimpinan Remaja Islam*. International Journal of Islamic Thought. Vol.6.BANGI: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ishak, N.M. & Bakar, A.Y.A. 2010. *Psychological Issues and the need for* Mahmud Yunus. 2010. *Tafsir Mahmud Yunus: Al-Quran nul Karim Rasm Uthmani*. Kuala Lumpur: Penerbit KBC.
- Mohd. Hakimie, Salleh Amat, Rorlinda, Jamliah dan Mohd. Saifun. (2015). *Perfectionism Among Gifted And Talented Students In Malaysia*. iC-GATE-International Conference On Gifted and Talented Education.
- Neumeister, K. S. (2007). *Perfectionism in gifted students: an overview of current research*. Gifted Education International, 122-131.
- Renzulli, J. S. 1978. *What Makes Giftedness? Re-examining a Definitio*. Phi Delta Kappa 60: 180-181.
- Rorlinda Yusof. 2014. *Ciri-Ciri Kepimpinan Pelajar Pintar dan Berbakat*: Ruslin Amir. 2007. *Stail Berfikir, Stail Pengajaran dan Stail Pembelajaran Pensyarah dan Pelajar UKM*. Ijazah Kedoktoran Fakulti Pendidikan, UKM Bangi.
- Stairs, Agnes Mariann, *Examining the construct of perfectionism: A Factor-Analytic Study* (2009). *University of Kentucky Doctoral Dissertations*. Paper 733.http://uknowledge.uky.edu/gradschool_diss/733.
- Sternberg, R.J. 2004. *Definitions and Conceptions of Giftedness*. Thousands Oaks, CA: Corwin Press.
- Van Tassel- Baska, J (1991). *Teachers As Counselors For Gifted Students*. In R. M. Milgram (Ed.), *Counseling Gifted And Talented Children: A Guide For Teachers, Counselors, And Parent* (Hlmn. 37-52). Norwood, NJ: Ablex Publishing.
- Wan Haslan bin Khairuddin. 2014. *Gaya Berfikir Qurani Dalam Pembentukan Insan Tadibi*. *Jurnal Penyelidikan Dan Inovasi*. BIL 1(2014) 1-12. Selangor: Jabatan Usuluddin, Akademi Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) Darul Ehsan.
- Zhang.1999. *Thinking Styles, Abilities Academic Achivement Among Hong Kong University Students*. *Educational Research Jurnal*. 13 (1):41-62.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.